

KESEDIAAN IBU BAPA TERHADAP PEMBELAJARAN MAYA PELAJAR SEKOLAH RENDAH SEMASA KRISIS PANDEMIK COVID-19

Parents' Readiness for Online Learning of Primary School Students during the Crisis of Covid-19 Pandemic

NUR SYAHEERA ATAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
syaheera@kuis.edu.my

HALIYANA TONOT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
haliyana@kuis.edu.my

NORAZNIDA HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
noraznida@kuis.edu.my

Abstrak

Krisis global akibat pandemik COVID-19 memberi impak secara langsung terhadap pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. Guru, pelajar dan ibu bapa melalui cabaran getir untuk mengadaptasi pembelajaran maya khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya anak-anak semasa tempoh PKP dilaksanakan. Lima pembolehubah terlibat dalam kajian ini merupakan pembolehubah kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem, personaliti individu dan kesediaan ibu bapa. Faktor dominan yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah juga dikenal pasti. Responden bagi kajian ini adalah sebanyak 221 orang ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah rendah di Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak dan instrumen digunakan adalah borang soal selidik yang menggunakan empat pilihan skala likert. Data kemudian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0 melalui kaedah korelasi pearson dan analisis regresi linear berganda. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara faktor kualiti sistem, kemudahan teknologi, kualiti masa dan personaliti individu terhadap kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya. Walau bagaimanapun, hanya kemudahan teknologi, kualiti masa dan personaliti individu mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya. Faktor personaliti individu dikenal pasti sebagai faktor dominan yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa.

Kata kunci: Pembelajaran Maya, Pandemik COVID-19, Kesediaan Ibu Bapa, Pengajaran dan Pembelajaran

Abstract

The global crisis caused by the COVID-19 pandemic had a direct impact on conventional teaching and learning. Teachers, students and parents have to face challenges to adapt with online learning especially during the Movement Control Order (MCO) period. This study was conducted to identify the relationship between the factors that influence the readiness of parents in online learning of their children during implementation of MCO. The five variables involved in this study were the variables of technological convenience, time quality, system quality, individual personality and parental readiness. The most dominant factor influencing parental readiness for online learning of primary school students were also identified. The respondents for this study were 221 parents of primary school children in Malaysia. Sample was randomly selected and the instrument used was a questionnaire form using four likert scale options. Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0 software through Pearson correlation and multiple linear regression analysis. The findings of the study indicate that there is a significant relationship between the factors of system quality, technological facilities, time quality and individual personality on the readiness of parents in online learning. However, only technological convenience, time quality and individual personality influenced parental readiness in online learning. Individual personality factor was identified as the most dominant factor influencing parental readiness.

Keywords: Online Learning, COVID-19 Pandemic, Parents' Readiness, Teaching and Learning

1.0 PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Pembelajaran secara maya telah lama diperkenalkan dan dilaksanakan dalam dunia pendidikan. Kebanyakan guru-guru dan para pelajar mempunyai pengetahuan tetapi kurang pendedahan terhadap penyampaian ilmu melalui kaedah ini. Pembelajaran secara maya kini menyaksikan pelaksanaannya di seluruh dunia akibat terkesan dengan pandemik Covid-19 bermula pada hujung tahun 2019. Kebanyakan sekolah-sekolah di seluruh dunia ditutup secara penuh atau separa penuh untuk mengekang penularan wabak penyakit berjangkit di kalangan guru-guru dan para pelajar. Sebagai alternatif, pembelajaran secara maya dilakukan demi memastikan para pelajar dapat meneruskan proses pendidikan walaupun negara sedang menghadapi pelbagai cabaran. Semasa Perintah Kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia, para pelajar berpeluang untuk meneruskan pembelajaran dari rumah dengan bantuan atau pantauan daripada ibu bapa. Pembelajaran secara maya dilihat bukan lagi sebagai pilihan, tetapi sebagai satu keperluan sewaktu pandemik Covid-19. Rabindarang, S., & Arjunan, V. (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa paradigma pengajaran dan pembelajaran di rumah merupakan medium penyampaian ilmu sewaktu fasa pandemik. Hal ini menyahut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang ingin memastikan setiap pelajar tidak ketinggalan dalam mendapat pendidikan walaupun dari rumah. Jika proses pembelajaran di sekolah dikawal selia oleh guru sepenuhnya, pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) memerlukan pantauan atau penglibatan ibu bapa dalam aktiviti akademik anak-anak.

Kajian Morrison (1978) dan Houtenville & Conway (2008) menyatakan penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat penting dalam menentukan pencapaian anak-anak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Penglibatan ibu bapa secara berterusan dilihat memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan prestasi akademik anak-anak di sekolah. Selari dengan kajian Morrison (1978) dan

Houtenville & Conway (2008), Ismail Ibrahim (2002) juga menyatakan bahawa keperibadian anak-anak dicorakkan menerusi didikan yang sempurna dalam suasana yang sejahtera dan harmoni sejak di peringkat bayi lagi sehingga anak-anak memasuki alam dewasa.

Menurut Tenh Ching Ling & Shahlan Surat (2021), anak-anak di peringkat umur yang rendah memerlukan perhatian dan penglibatan ibu bapa secara fizikal dalam pembelajaran maya. Kaedah mendampingi anak-anak ini berbeza jika dibandingkan dengan anak-anak yang lebih dewasa. Secara praktikal, pembelajaran maya tidak akan mencapai matlamat jika dikelolakan oleh pihak sekolah sahaja. Lathifah dan Helmanto (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa ibu bapa berperanan untuk membuat persediaan sepenuhnya dalam proses anak-anak membesar mengikut perkembangan yang sepatutnya. Demi memastikan pendidikan dapat disalurkan dengan baik kepada anak-anak, tanggungjawab dan sokongan padu amat diperlukan daripada pihak sekolah, pelajar dan ibu bapa.

Sorotan Kajian

Pembelajaran secara maya merupakan pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang berasaskan teknologi terkini yang sedang meningkat pelaksanaannya dalam sektor pendidikan di Malaysia. Menurut Ahmad Zaki et.al (2015), pada masa kini boleh dikatakan setiap individu memiliki teknologi sendiri seperti komputer riba atau komputer peribadi, telefon bimbit, kereta dan sebagainya. Ini seolah-olah menggambarkan bahawa teknologi pada masa kini adalah satu keperluan, bukan lagi sebagai pilihan. Kemudahan teknologi dalam PDP adalah untuk menarik minat pelajar di samping meningkatkan penerimaan PDP. Menurut O'Connor, et al. (2003) kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai komputer sambungan internet mempengaruhi kekerapan dan kebolehan mengakses pembelajaran secara maya. Walau bagaimanapun, teknologi turut memberi kesan negatif kepada pengguna. Muhammad Sukri Saud et al. (2018) yang menjalankan kajian di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknikal dan vokasional di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negeri Johor mendapati antara halangan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara maya adalah kerana faktor kemudahan teknologi. Halangan teknologi merangkumi rangkaian internet yang sangat perlahan, pengaksesan pembelajaran secara maya dan kos yang tinggi dalam perkakasan, perisian, pembaikan, atau servis komputer. Ini menunjukkan bahawa salah satu masalah utama dalam pelaksanaan pembelajaran secara maya adalah kekurangan kemudahan ICT. Nisbah bilangan komputer dengan bilangan pelajar masih pada tahap yang rendah. Di samping itu, pelaksanaan pembelajaran yang kini kebanyakannya dilaksanakan secara tradisional memerlukan integrasi teknologi dengan lebih drastik. Keperluan kepada pembelajaran secara maya adalah pada tahap yang kritikal dan amat mustahak. Menurut Wan Zahid (2005), institut pengajian tinggi yang mempunyai teknologi tinggi sudah tentu dapat menarik lebih ramai penuntut. Hal ini berkait rapat dengan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara maya. Kemudahan teknologi menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa mahupun pelajar terhadap pembelajaran secara maya. Hal ini disokong oleh Zahiah & Abdul Razaq (2010) yang menyatakan bahawa teknologi tidak hanya mencipta masyarakat dunia baru untuk saling berinteraksi sebagai alat perhubungan, malah juga sebagai alat pendidikan.

Pembelajaran secara maya semakin giat digunakan secara meluas semasa wabak melanda untuk memastikan pembelajaran dapat diteruskan, berinteraksi dan pemudahcaraan semasa mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP). Bagi memastikan tanggapan mudah guna dalam kalangan pelajar, pihak berkaitan perlu memberi perhatian terhadap kualiti sistem yang disediakan. Kaedah pembelajaran secara maya membolehkan pelajar mengakses maklumat melalui dunia tanpa sempadan. Menurut Aslina Saad & Ermie Dharlya (2016),

faktor kualiti maklumat melalui penggunaan sistem kebiasaannya mempengaruhi tahap penerimaan yang tinggi atau rendah terhadap pengguna. Menurut Delone & McLean (2003) menyatakan kualiti sistem merupakan salah satu faktor yang diadaptasi daripada Model Kejayaan Sistem Maklumat. Bagi menjayakan keberkesanan kualiti sistem, ia memerlukan sokongan teknikal daripada pihak pentadbiran (Agatha, F. & Muhamad Suhaimi, 2016). Faktor ini juga akan menggalakkan seseorang dalam penggunaan sistem seterusnya ia akan mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap sistem. Kegagalan dalam memberi sokongan akan menyebabkan pengguna berasa kecewa dan ini akan memberi impak yang negatif terhadap penggunaan teknologi. Menurut Normilawati Hassan & Azliza Yusop (2017) dalam kajian yang dijalankan di Kolej Komuniti Kuantan, dapatan kajian menunjukkan dengan adanya ciri-ciri yang menarik pada sistem yang dibangunkan akan dapat menarik minat pelajar terhadap fungsi-fungsi di dalamnya, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar

Menurut Borgonove, Montt, & Development (2012) dalam kajiannya menyatakan bagaimana cara ibu bapa menggunakan masa bersama anak di rumah boleh mempengaruhi kejayaan dalam pencapaian akademik anak-anak. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk memperuntukkan masa yang berkualiti dalam aktiviti akademik anak-anak sekurang-kurangnya dengan memantau perkembangan PDP mereka dari rumah. Fasa pandemik memperlihatkan kebanyakan ibu bapa bekerja dari rumah, sekali gus memerlukan komitmen mengurus masa dengan baik untuk memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam PDP. Hal ini menunjukkan bahawa faktor kualiti masa sangat memberi kesan kepada pencapaian dan perkembangan anak-anak. Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa faktor masa telah menyebabkan ibu bapa semakin kurang peka akan peranan mereka dan lebih kepada membiarkan anak mereka belajar di rumah tanpa bimbingan dan pemantauan (Lareau, 2000; Abd. Razak & Noraini, 2011). Hal ini disebabkan oleh ibu bapa perlu menyelesaikan kerja atau tugas di rumah di samping perlu memberi bimbingan terhadap tugas anak-anak yang diberikan oleh guru melalui pembelajaran secara maya. Di dalam kajian Paezah Abd. Halim & Faridah Yunus (2017), terdapat segelintir ibu bapa yang masih tidak memahami kurikulum yang diajar serta dipraktikkan di sekolah. Hal ini menyebabkan ibu bapa yang bertindak sebagai perantara perlu mengambil masa yang agak lama untuk memahami kurikulum serta aktiviti pembelajaran di sekolah yang cuba disampaikan secara maya.

Candis (2003) menyatakan ibu bapa merupakan contoh ikutan kepada anak-anak, dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang berjaya dalam akademik sentiasa memberi nasihat betapa pentingnya melanjutkan pelajaran di tahap yang tinggi. Pendidikan anak pada peringkat awal yang diperolehi di rumah dipengaruhi oleh personaliti ibu bapa mereka. Sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah dan di peringkat seterusnya. Didikan dan asuhan yang betul, didikan yang sempurna, perhatian yang secukupnya dan kasih sayang terhadap anak-anak supaya anak-anak lebih rapat dengan ibu bapa mereka dilihat dapat membantu anak-anak dalam perkembangan pembelajaran. Dengan ini, anak-anak akan meluahkan apa sahaja kemusykilan mahupun berkongsi masalah yang dihadapinya. Perkara ini penting dalam proses perkembangan anak-anak dalam menentukan masa depan mereka.

Namun, penglibatan ibu bapa dalam menentukan prestasi anak-anak perlu dilihat dari pelbagai aspek. Zarinah Arshat & Rozumah Baharudin (2011) menyatakan tingkah laku dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dipengaruhi oleh latar belakang keluarga itu sendiri seperti tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi kebiasaannya

dilihat mempunyai hubungan dua hala dengan anak-anak dan bersifat resiprokal, banyak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak-anak dan mengamalkan komunikasi yang positif dan terbuka. Dorongan dan sokongan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak dilihat dapat menanam minat yang mendalam untuk mempelajari setiap mata pelajaran yang diambil dengan lebih tekun. Hasil dapatan kajian Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor (2016) menjelaskan bahawa latar belakang ibu bapa yang tidak berpendidikan boleh menimbulkan gangguan kepada proses perkembangan pendidikan anak-anak seperti yang dinyatakan oleh Zarinah Arshat & Rozumah Baharudin (2011).

2.0 PENYATAAN MASALAH

Fasa pandemik menyaksikan guru, ibu bapa dan pelajar terus bergelut menghadapi norma baharu dalam dunia pendidikan. Pembelajaran konvensional memerlukan alternatif untuk memastikan pendidikan tidak ketinggalan di kalangan para pelajar. Pengajaran dan pembelajaran diteruskan dari rumah melalui platform secara maya. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran timbul apabila PDPR dilaksanakan. Penerimaan pelajar, guru atau ibu bapa berbeza bergantung kepada cabaran-cabaran seperti capaian internet, peranti, persekitaran serta penglibatan dan sokongan ibu bapa. Guru berhadapan dengan cabaran untuk meraih perhatian pelajar dan menentukan penyampaian isi kandungan pengajaran melalui kaedah yang paling mudah difahami oleh pelajar, manakala pelajar menghadapi cabaran untuk memahami isi kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru secara maya. Ibu bapa turut berhadapan dengan cabaran untuk memastikan anak-anak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya sesi pembelajaran dilaksanakan, selain memastikan keperluan seperti peranti dan capaian internet adalah mencukupi. Isu ini meraih perhatian banyak pihak dan menjadi perbincangan dalam diskusi-diskusi ilmiah. Walaupun terdapat sesetengah pihak tidak mempunyai masalah menghadapi norma baharu ini, namun terdapat segelintir pihak sangat tertekan, tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan menjejaskan kesihatan mental pelajar, guru, mahupun ibu bapa.


Memandangkan pembelajaran maya digunakan sebagai medium utama penyampaian pengajaran dan pembelajaran sewaktu pandemik, jadi adalah sangat penting untuk mendalami isi-isu berbangkit semasa pelaksanaannya. Kesediaan ibu bapa menguruskan anak-anak dalam norma baharu diberi penekanan dalam kajian ini. Tujuan utama tinjauan secara deskriptif ini dilaksanakan adalah untuk menggambarkan situasi sebenar yang dihadapi oleh ibu bapa semasa mengendalikan pembelajaran maya bagi anak-anak sekolah rendah melalui faktor kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem dan personaliti individu. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggariskan dua objektif kajian iaitu:

- i. Mengetahui hubungan antara faktor yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya pelajar sekolah rendah semasa pandemik Covid-19.
- ii. Mengetahui faktor dominan yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.

3.0 METODOLOGI

Kajian berbentuk deskriptif dilaksanakan bagi menterjemah situasi yang berlaku dalam dunia pendidikan semasa tempoh pandemik. Responden bagi kajian ini adalah sebanyak 221 orang ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah rendah di Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak dan instrumen digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan melalui *google form*. Kesiapan penerimaan ibu bapa terhadap pembelajaran secara maya dikaji

melalui borang soal selidik yang mempunyai empat pilihan skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Bahagian A mengumpul maklumat demografi responden, bahagian B berkaitan faktor yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran secara maya dan bahagian C berkaitan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah. Data kemudian dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 melalui kaedah korelasi pearson dan analisis regresi linear berganda. Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang menggunakan empat pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem dan personaliti individu manakala pemboleh ubah bersandar adalah kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.



Rajah 1: Kerangka Kajian

Ujian Kebolehpercayaan

Pekali *Cronbach Alpha* digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Item-item yang terdapat di dalam soal selidik perlu diukur dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Keputusan ujian kebolehpercayaan adalah sebanyak 0.646 dan diperincikan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ujian kebolehpercayaan

Alpha Cronbach	Alpha Cronbach Berdasarkan Item	Bilangan Item
.723	.646	5

4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian dilaksanakan menggunakan analisis deskriptif, korelasi Pearson dan regresi linear berganda. Data yang telah berjaya dikumpul daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 26.0. Item-item di Bahagian A dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan, manakala item-item dalam Bahagian B dan C dianalisis menggunakan kaedah korelasi Pearson dan analisis regresi linear berganda.

Demografi Responden

Data profil demografi responden diperincikan dalam Jadual 2. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, responden perempuan mencatat peratusan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 67% berbanding 33% responden lelaki. Jika dilihat berdasarkan peringkat umur, responden berumur 36 – 45 tahun merupakan golongan tertinggi iaitu sebanyak 67.9%, diikuti responden berumur 46 – 55 tahun iaitu sebanyak 16.7%. Majoriti responden juga tinggal di bandar dengan catatan sebanyak 54.3%, diikuti responden yang tinggal di pinggir bandar yang mencatatkan 31.7% dan luar bandar sebanyak 14%. Selain itu, kebanyakan responden

adalah daripada golongan ibu bapa yang mempunyai pendapatan seisi rumah dalam kategori M40 (RM4,001 – RM8,000) iaitu sebanyak 48.9%, diikuti kategori T20 (RM8,001 dan ke atas) iaitu sebanyak 27.6% dan kategori B40 (RM4,000 dan ke bawah) sebanyak 23.5%.

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Item		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	73	33.0
	Perempuan	148	67.0
Umur	25 – 35 tahun	32	14.5
	36 – 45 tahun	150	67.9
	46 – 55 tahun	37	16.7
	56 tahun ke atas	2	0.9
Tempat tinggal	Bandar	120	54.3
	Luar bandar	31	14.0
	Pinggir bandar	70	31.7
Tahap pendidikan	Rendah	18	8.1
	Menengah	42	19.0
	Pengajian Tinggi	161	72.9
Pekerjaan	Bekerja sendiri	37	16.7
	Kerajaan	90	40.7
	Swasta	92	41.6
	Pesara	2	0.9
Pendapatan seisi rumah	B40 (RM4,000 dan ke bawah)	52	23.5
	M40 (RM4,001- RM8,000)	108	48.9
	T20 (RM8,001 dan ke atas)	61	27.6
Penerima bantuan data internet percuma	Ya	156	70.6
	Tidak	65	29.4

Analisis Korelasi

Kaedah korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk mencapai objektif yang pertama iaitu mengenal pasti hubungan antara faktor kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem, personaliti individu dan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.

Jadual 3: Korelasi Pembolehubah Tidak Bersandar dan Pembolehubah Bersandar

Pemboleh Ubah	Nilai Signifikasi
Kemudahan Teknologi	.000
Kualiti Sistem	.000
Kualiti Masa	.000
Personaliti Individu	.000

Berdasarkan Jadual 3, keputusan yang diperolehi adalah analisis korelasi yang menunjukkan hasil analisis bagi empat faktor kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat faktor yang dikaji adalah signifikan. Faktor kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem dan personaliti individu memperoleh nilai signifikansi .000 (2 hujung). Nilai ini menunjukkan bahawa kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah mempunyai hubungan dengan faktor kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem dan personaliti individu. Keputusan hipotesis bagi analisis korelasi diperincikan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Keputusan Hipotesis

Hipotesis	Butiran	Keputusan
H_1	Terdapat hubungan signifikan di antara kemudahan teknologi dengan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.	Diterima
H_2	Terdapat hubungan signifikan di antara kualiti masa dengan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.	Diterima
H_3	Terdapat hubungan signifikan di antara kualiti sistem dengan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.	Diterima
H_4	Terdapat hubungan signifikan di antara personaliti individu dengan kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.	Diterima

Data yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan kaedah regresi linear berganda bagi mengenal pasti pemboleh ubah tidak bersandar yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, nilai regresi adalah signifikan (*Adjusted R Square* = 0.568, *p-value* = .000). Kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah diterangkan oleh faktor kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem serta personaliti individu sebanyak 56.8%. Secara keseluruhan, model adalah baik (*p-value* = .000).

Jadual 5: Keputusan Analisis Regresi Linear Berganda

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	
	B	Std. Error	Beta			
(Constant)	3.384	1.436		2.356	.019	
1	Kemudahan Teknologi	.070	.030	.127	2.337	.020
	Kualiti Masa	.195	.063	.150	3.115	.002
	Kualiti Sistem	.051	.055	.071	.915	.361
	Personaliti Individu	.402	.048	.666	8.344	.000

a. Pemboleh Ubah Bersandar: Kesediaan Ibu bapa

Berdasarkan Jadual 5, faktor kemudahan teknologi (H_1), kualiti masa (H_2) dan personaliti individu (H_4) dikenal pasti sebagai faktor yang signifikan terhadap kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya pelajar sekolah rendah (*p-value* < .05). Faktor personaliti individu (β = 0.402, *p-value* = .000) dikenal pasti sebagai faktor paling dominan yang mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya pelajar sekolah rendah, diikuti oleh faktor kualiti masa (β = 0.195, *p-value* = .002) dan faktor kemudahan teknologi (β = 0.070, *p-value* = .020). Nilai β = 0.402 menerangkan bahawa kenaikan 1-unit faktor personaliti individu

menyebabkan pertambahan sebanyak 0.402 bagi kesediaan ibu bapa. Walau bagaimanapun, faktor kualiti sistem ($\beta = 0.051$, p-value = .361) didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya pelajar sekolah rendah.

5.0 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa keempat-empat faktor yang dikaji adalah signifikan. Kemudahan teknologi, kualiti masa, kualiti sistem dan personaliti individu didapati mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesediaan ibu bapa menguruskan anak-anak sekolah rendah dalam aktiviti akademik secara atas talian. Kaedah pembelajaran secara maya yang digunakan untuk menggantikan pembelajaran secara bersemuka semasa krisis Covid-19 didapati mempunyai pengaruh paling dominan terhadap ibu bapa daripada faktor personaliti individu. Hal ini menjelaskan bahawa penerimaan ibu bapa berbeza mengikut personaliti individu tertentu. Didikan dan asuhan yang betul, didikan yang sempurna, berfikiran positif, berlapang dada, memberi kasih sayang dan perhatian secukupnya terhadap anak-anak menunjukkan ibu bapa mempunyai personaliti yang baik. Sikap positif ini sangat membantu dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan anak-anak yang sentiasa berubah dan dapat memastikan perkembangan pembelajaran anak-anak di tahap yang baik.

Faktor kemudahan teknologi merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah. Walaupun faktor ini bukan faktor yang paling utama mempengaruhi kesediaan ibu bapa, tetapi turut menyumbang terhadap kesediaan ibu bapa menguruskan anak-anak menghadapi pembelajaran secara maya. Menyediakan keperluan teknikal berbentuk capaian internet dan peranti yang bersesuaian dan mencukupi adalah sangat penting untuk mendokong usaha guru-guru menjayakan PDPR. Halangan-halangan menggunakan teknologi sudah pastinya tidak dapat dielakkan. Rangkaian internet yang sangat perlahan, pengaksesan pembelajaran secara maya dan kos yang dikeluarkan dalam perkakasan, perisian, pembaikan, atau servis komputer memerlukan perhatian dan kesediaan optimum daripada ibu bapa.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kualiti masa mempengaruhi kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah. Aspek yang ditekankan dalam kualiti masa seperti masa yang diambil untuk memahami pembelajaran secara maya, masa yang diperuntukkan untuk mencari bahan-bahan rujukan secara dalam talian dan masa untuk memantau dan meneliti tugas anak-anak sangat mempengaruhi penerimaan ibu bapa terhadap pembelajaran secara maya.

Walaupun bagaimanapun, faktor kualiti sistem didapati tidak signifikan di dalam kajian ini. Hal ini menggambarkan bahawa kualiti sistem mempunyai hubungan signifikan terhadap kesediaan ibu bapa dalam pembelajaran maya pelajar sekolah rendah, namun tidak mempengaruhi kesediaan ibu bapa dalam menguruskan anak-anak yang menjalani pdp di atas talian. Aspek yang ditekankan dalam kualiti sistem seperti pencarian maklumat atas talian serta fleksibiliti dilihat tidak memberi kesan terhadap penerimaan ibu bapa. Namun begitu, faktor teknikal harus diambil berat seperti masalah capaian internet yang perlahan yang menyebabkan ibu bapa mahupun pelajar kurang berminat terhadap pembelajaran secara maya.

Secara kesimpulan, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada pihak pengurusan sekolah, guru-guru, ibu bapa dan para pelajar. Kajian ini secara tidak langsung dapat menambah pengetahuan dalam pelaksanaan pembelajaran secara maya agar proses pdp

dapat dijalankan dengan baik dan berkualiti. Ini juga dapat memberi gambaran jelas berkaitan isu-isu berbangkit semasa PDPR agar langkah-langkah yang sewajarnya boleh diambil perhatian untuk memastikan proses pdp dapat dilaksanakan sesuai mengikut teknologi terkini. Kajian selanjutnya dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk meneroka isu ini menggunakan kaedah kajian yang berbeza, penambahbaikan pada pembolehubah yang digunakan dan memilih responden kajian daripada pelbagai pihak atau peringkat. Perbandingan di antara institusi pengajian atau negara juga dicadangkan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih interaktif dan efektif.

RUJUKAN

- Agatha, F. U & Muhamad, S. T. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institute. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL Tahun 2016*, 13, 1-14.
- Ahmad Zaki Amiruddin, Ahmed Thalal Hassan, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nor Ashila Abdul Rahman. (2015). Aplikasi e-pembelajaran untuk proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa: Fungsi dan Kelebihan. Conference paper October 2015. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Dan Keusahawanan Sosial Islam (ICIESE 2015) Resort World, Langkawi*. 12-14 Oktober 2015.
- Anuar, A. & Norhaidawati, M.N. (2016). Persekitaran Keluarga & Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Journal of Family & Education*.
- Aslina Saad, & Ermie Dharlya Daud. (2016). Kepelbagaian model penerimaan teknologi dan sistem maklumat. *International Conference on ICT in Education, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Borgonove, F., & Montt, G. (2012). Parental involvement in selected pisa countries and economies. OECD Publishing, (73).
- Candis, Y.H. (2003). The Home Enviroment of Gifted Puerto Rican Children. Diperoleh Mac 3, 2008 daripada <http://www.ncela.gwu.edu/ncbepubs/symposia/third.html>.
- Delone, W. H., & McLean. E. R. (2003). The Delone and McLean Model of information systems success: A Ten-Year update. *Journal of Management Information System*, 19, 9-30.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Houtenville, A., & Conway, K. (2008). Parental effort, school resources, and student achievement. *Journal of Human Resources*, 43, 437-453.
- Ibrahim (2002). Disiplin Keluarga Jadi Penentu. Diperoleh pada Julai 22, 2010 daripada <http://www.cikgu.net.my/malay/berita/moreberita>.
- Lathifah, Z. K., & Helmanto, F. (2019). Orang Tua Sebagai Panutan Islami untuk Anak. *Didaktika Tauhidi: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 6(2), 131–137.
- Lareau, A. (2000). Home advantage: Social Class and Parental Intervention in Elementary Education, Lanham, MD: Roman & Littlefield.
- Morrison, G.S. (1978). Parent involvement in the home, school and community. Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.
- Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, Ting Kung Shiung. (2018). Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (e-learning) dikalangan pelajar jurusan pendidikan teknikal dan vokasional di institusi pengajian tinggi (IPTA) negeri Johor. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*.

- Normilawati Hassan & Azliza Yusop. (2017). Kajian persepsi pelajar terhadap aplikasi sistem e-learning Kolej Komuniti Kuantan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran terkini di Kolej Komuniti Kuantan.
- O'Connor, C., Sceiford, E., Wang, g., Fourcar, Scocki, D., & Griffin, O. (2003). Departure, abandonment, and dropout of e-learning: Dilemma and Solutions. Retrieved November 16, 2003, from www.masie.com.
- Paezah Abd. Halim & Faridah Yunus. (2017). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- Rabindarang, S., & Arjunan, V. (2021). Paradigma Baharu PdPR: Satu Sorotan Kajian. *Asian Pendidikan, 1*(1), 73-79.
- Tenh Ching Ling & Shahlan Surat. (2021). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Atas Talian Berdasarkan Tahap Kepuasan dan Halangan yang Dihadapi. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 1*(4), 1-15.
- Wan Zahid (2005). Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Zahiah & Abdul Razaq (2010). E-Pembelajaran: Evolusi internet dalam pembelajaran sepanjang hayat. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition, 5-10*.
- Zarinah, A. & Rozumah, B. 2011. Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkahlaku keibu bapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan bil.17, Jun 201. Universiti Putra Malaysia*.